

## **Kecerdasan Emosi Sosial Kemahiran Penyesuaian Diri Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah (*The Social Emotional Intelligence Of Adaptability Skills Among Secondary School Students*)**

Lailawati Madlan @ Endalan<sup>1</sup>

Abdul Adib Asnawi<sup>1</sup>

Chua Bee Seok<sup>1</sup>

Ferlis Bullare @ Hj. Bahari<sup>1</sup>

Jasmine Adela Mutang<sup>1</sup>

Rosnah Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial  
Universiti Malaysia Sabah*

<sup>2</sup> *Cyberjaya University College of Medical Sciences*

<sup>1</sup>Correspondence author: laila@ums.edu.my

Social emotional intelligence, a combination between emotion and social intelligence, is a very important aspect of one's self. It is divided into five components which is intrapersonal, interpersonal, stress management, adaptation and general mood. Social emotional intelligence directly affects the behavior, emotion and decision making of an individual. Secondary school students are a group of early teenager and still in the process of identity formation. Therefore, it is important to know the social emotional intelligence of adaptability skills especially among school students as it has long-term impact on their performance. The main objective of this study is to examine the social emotional intelligence scores among high school students in Kota Kinabalu, Sabah. The sample in this study consisted of Form One to Form Six students from various schools around Kota Kinabalu. A set of questionnaire used in this study is The Emotional Quotient Inventory Youth Version (EQ-i: YV) designed by Bar-On and Parker (2000) contains 60 questions with four likert scale. The data obtained were analyzed using the IBM SPSS version 24.0. The results of this study showed that the social emotional intelligence as a whole is at a moderate level. Meanwhile, there are differences in adaptability skills between male and female students, where the mean score for male students is higher than female students. As for the implication, related parties such as ministries of education, parents and the community can obtain relevant information for the purpose of implementation of programs and activities to enhance emotional intelligence and adaptability skills that are appropriate to the current generation Z.

*Keywords:* social emotional intelligence, adaptability skills, secondary school student

Kesedaran mengenai pentingnya kecerdasan emosi sosial telah lama disadari oleh ramai penyelidik sama ada dalam bidang kesihatan, sosial, pendidikan, mahupun organisasi. Hal ini kerana aspek emosi dilihat merupakan salah satu potensi yang dimiliki oleh setiap individu (Saemah *et al.*, 2008) yang mana ia boleh diajar, dipelajari,

dipertingkatkan (diperkembangkan) atau dikekalkan (Entezar *et al.*, 2013; Salovey & Mayer, 1990; Goleman, 1995), dan ini telah dibuktikan melalui hasil dapatan kajian lepas yang telah dilakukan oleh ramai pengkaji (Bar-On, 2000; Nelis *et al.*, 2009; Entezar *et al.*, 2013; Cherniss & Adler, 2000;

Domitrovich, Cortes, & Greenberg, 2007; Greenberg, 2008; Weisinger, 1998).

Konsep asas kecerdasan emosi ini sebenarnya telah wujud sejak abad ke-20 melalui Edward Thorndike yang mana beliau pada awalnya telah memperkenalkan tentang konsep kecerdasan sosial (*social intelligence*). Kemudian, banyak kajian awal yang memberi tumpuan kepada penerangan yang menentukan dan menilai aspek emosi dan sosial tingkah laku. Asas inilah yang membentuk konsep kecerdasan emosi. Terdapat tiga rujukan utama untuk model kecerdasan emosi yang sering dijadikan rujukan dalam kajian menurut *Encyclopedia of Applied Psychology* iaitu model Salovey & Mayer (1990), Goleman (1995) dan juga Bar-On (1997). Setiap satunya mempunyai model sendiri serta membina inventori berasaskan model masing-masing. Menurut Salovey & Mayer (1990) kecerdasan emosi ditakrifkan sebagai sub-set kecerdasan sosial yang melibatkan keupayaan untuk memantau perasaan dan emosi sendiri dan orang lain, untuk membezakan di antara mereka, serta menggunakan maklumat tersebut untuk memandu pemikiran dan tindakan mereka. Sementara, Goleman (1995) pula mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kebolehan seseorang untuk menguruskan perasaan yang mereka nyatakan dengan betul dan berkesan, membolehkan orang ramai untuk bekerjasama dengan lancar ke arah matlamat bersama. Bagi Bar-On (1997) kecerdasan emosi sosial didefinisikan sebagai kepelbagaian kebolehan bukan kognitif, kecekapan, dan kemahiran yang mempengaruhi keupayaan seseorang untuk berjaya dalam menghadapi tuntutan dan tekanan di sekeliling. Weisinger (1998) menjelaskan kecerdasan emosi sebagai kecerdasan dalam menggunakan emosi. Beliau juga mencadangkan bahawa kecerdasan emosi juga membolehkan individu untuk mendapatkan hasil yang

positif dalam menggunakan emosi mereka untuk mengawal tingkah laku mereka.

Model Bar-On iaitu kecerdasan emosi dan sosial merupakan gabungan konstruk emosi dan juga sosial yang membantu individu untuk memahami dan mengekspresikan diri, memahami orang lain serta menyesuaikan diri dalam keadaan yang stres ataupun tertekan (Bar-On, 2000, 1997). Komponen utama dalam model ini adalah intrapersonal, interpersonal, penyesuaian, pengurusan stres dan juga perasaan umum. Setiap daripada komponen ini saling berkait antara emosi dan juga sosial. Komponen penyesuaian dalam model Bar-On mencakupi kemahiran ujian realiti, fleksibiliti dan penyelesaian masalah. Individu yang menguasai kemahiran ini berupaya menyesuaikan diri dengan pelbagai keadaan ataupun situasi yang bermasalah. Martin et al., (2013) mendefinisikan penyesuaian sebagai penyesuaian dalam kognisi, tingkah laku ataupun maklum balas terhadap keadaan yang tidak diduga, kondisi dan juga situasi. Menurut pengkaji ini, penyesuaian pelajar dalam berhadapan dengan keadaan yang tidak menentu dan sesuatu yang baru merupakan konstruk penting khususnya bagi remaja yang sering berhadapan dengan pengalaman yang berubah-ubah. Pengalaman yang dialami oleh pelajar memerlukan penyesuaian mengikut fungsi sesuatu keadaan bagi mengekalkan kesejahteraan diri. Jika pelajar berkenaan tidak dapat menyesuaikan diri maka gangguan kepada kesejahteraan diri akan berlaku.

Berdasarkan hasil dapatan kajian lepas, menunjukkan kecerdasan emosi yang tinggi dapat meningkatkan kesihatan mental seperti penurunan kemurungan dan stres sosial (Ruiz-Arand et al., 2012), kadar penggunaan alkohol dan merokok yang rendah (Trinidad & Johnson, 2002), dapat memberi tumpuan dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang

diberi (Noriah et al., 2001), mempunyai hubungan sosial yang mantap (Mayer, 2001), menjadi peramal kepada kepuasan hidup dan peningkatan positif dalam interaksi dengan rakan dan keluarga (Chong et al., 2015) serta rendahnya tahap masalah tingkah laku dalaman seperti kebimbangan akademik, kemurungan dan stres dan rendahnya tahap masalah tingkah laku luaran seperti marah dan delinkuen (Liau et al., 2003). Sebaliknya, kecerdasan emosi yang rendah pula mempunyai impak kesignifikan berkaitan dengan masalah tingkah laku seperti agresif dan kemurungan (Liau et al., 2003; Parker et al., 2008), tingginya penggunaan dadah dan alkohol, serta penglibatan dalam tingkah laku devian seperti pergaduhan fizikal dan vandalisme (Chong et al., 2015), menunjukkan tingkah laku bimbang dan perasaan tidak selesa apabila melaksanakan tugas yang diberi, tidak dapat berfungsi dalam kehidupan dengan baik dan tidak dapat membina potensi diri secara optima (Saemah et al., 2008), menjadi seorang yang lebih berpusatkan pada diri sendiri dan ketidakbolehan empati serta apa-apa yang melibatkan orang lain (Erasmus, 2007) serta penggunaan strategi daya tindak maladaptif (Homauni et al., 2014).

Justeru, pentingnya kecerdasan emosi ini khususnya dalam kalangan pelajar sekolah kerana ia secara langsung mahupun tidak langsung memberi kesan jangka panjang ke atas prestasi seseorang individu (Saemah et al., 2008). Jika dilihat dalam sistem pendidikan di Malaysia, aspek emosi merupakan salah satu domain yang ditekankan daripada lima domain iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Kementerian Pelajar Malaysia, 2008). Salah satu sebab aspek emosi ditekankan dalam sistem pendidikan kerana, kajian lepas menjelaskan pelajar-pelajar yang tidak dibelai dengan faktor-faktor emosi oleh guru dan juga ibu bapa didapati tidak dapat

melakukan proses pembelajaran secara optimum dan didapati juga, mereka mudah resah serta tidak dapat memberikan tumpuan yang baik semasa belajar (Saadi et al., 2012). Maka dengan itu, aspek emosi menjadi salah satu yang berkepentingan dan ianya perlu diperkembangkan sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis.

### **Permasalahan Kajian**

Kepentingan emosi dalam perkembangan seseorang individu khususnya dalam kalangan pelajar mula mendapat perhatian serius dewasa ini. Hal ini lantaran daripada kecerdasan emosi itu sendiri yang dilihat memainkan peranan penting terhadap personaliti dan prestasi seseorang pelajar (Abdul Malek Rahman et al., 2009; Saemah et al., 2008). Oleh yang demikian, perkembangan emosi menjadi salah satu daripada lima domain yang menjadi penekanan penting dalam pendidikan di Malaysia. Ini diperkukuhkan lagi apabila Goleman (1995) menjelaskan bahawa kejayaan seseorang itu banyak bergantung kepada kecerdasan emosi berbanding dengan kecerdasan intelek yang dimiliki oleh seseorang. Ini kerana kecerdasan emosi dijelaskan menyumbang sebanyak 80 peratus dalam kehidupan seseorang dan selebihnya disumbangkan oleh kecerdasan intelek (Goleman, 1995).

Dewasa ini ramai pelajar remaja yang terjebak dengan masalah sosial. Media masa melaporkan pelbagai isu sosial yang melibatkan pelajar sekolah seperti masalah hamil luar nikah, pembuangan bayi, buli rakan di sekolah sehingga menyebabkan kecederaan yang parah malahan sehingga ada yang menyebabkan kematian. Kajian lepas juga menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar yang berdepan dengan cabaran emosi, menunjukkan ketidakbolehan mengurus

tingkah laku dan lebih terdedah dengan masalah di sekolah (Goleman, 1995). Ini disokong dengan laporan-laporan yang dikeluarkan oleh media-media massa di Malaysia yang mana terdapat beberapa kes yang dilaporkan tentang keagresifan dalam kalangan remaja di sekolah. Misalnya, kes dilaporkan oleh Astro Awani tentang pelajar dibelasah senior sekolah agama di Pendang (Astro Awani, 20 April, 2015). Pelajar lelaki dakwa cedera angkara buli (Opat Rattanachot, 30 Oktober, 2014) dan pelajar perempuan dakwa dibuli (Utusan Malaysia, 14 Februari, 2015). Berdasarkan peristiwa-peristiwa ini, dapat disimpulkan bahawa wujudnya kepincangan emosi dalam kalangan pelajar dan perkara ini perlu diambil serius.

Penyesuaian dalam kalangan pelajar sekolah juga melibatkan pelbagai keadaan, antaranya ialah aspek akademik yang sering menjadi tuntutan kepada golongan ini. Selain itu, aspek peribadi juga tidak terlepas misalnya fungsi sebagai ahli keluarga, kawan dan ahli masyarakat. Kepelbagaian fungsi ini memerlukan pelajar untuk menyesuaikan dirinya agar keseimbangan khususnya aspek psikologi dapat dikekalkan. Ketidakkampuan pelajar dalam menyeimbangkan tugas yang dipikul dapat dihindari melalui kecerdasan emosi dan sosial kemahiran penyesuaian diri. Emosi yang dapat dikawal serta kemampuan dalam menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial dapat menjadikan pelajar tersebut lebih bijak dalam menangani setiap tuntutan ataupun bebanan yang dihadapi.

Justeru, kajian yang berkaitan dengannya adalah perlu, bukan sahaja untuk memahami status tahap kecerdasan emosi pelajar pada masa kini, bahkan juga untuk membantu mereka mengawal masalah cetusan emosi akibat daripada ketidakseimbangan kesejahteraan diri. Oleh yang demikian,

mengenal pasti profil kecerdasan emosi khususnya kemahiran penyesuaian diri dalam kalangan pelajar sekolah seharusnya dilakukan untuk mengetahui tahap kecerdasan emosi mereka. Hal ini kerana ia mempunyai kesan jangka masa panjang terhadap perkembangan seseorang pelajar (Saemah et al., 2008). Di samping itu, pengkaji melihat hasil dapatan kajian ini sangat bermanfaat kepada ramai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Misalnya, hasil dapatan ini akan dapat membantu golongan pendidik dan ibu bapa untuk memahami kekuatan serta kelemahan yang dimiliki oleh pelajar berdasarkan tahap kecerdasan emosi mereka.

### **Tujuan Kajian**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat profil kecerdasan emosi sosial kemahiran penyesuaian diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sabah. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

1. mengenal pasti skor kecerdasan emosi dan sosial secara keseluruhan pelajar sekolah menengah sekitar Kota Kinabalu, Sabah.
2. mengenal pasti skor kemahiran penyesuaian diri pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah.
3. mengenal pasti perbezaan antara lelaki dan perempuan terhadap kemahiran menyesuaikan diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah sekitar Kota Kinabalu, Sabah.

### **Metodologi**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk keratan rentas, yang mana kaedah tinjauan

digunakan dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar sekolah menengah dalam pengumpulan data.

### Subjek Kajian

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 736 orang pelajar yang berumur 13 hingga 18 tahun atau pelajar Tingkatan Satu (1) hingga Tingkatan Enam (6) dari sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah.

### Alat Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen *The Emotional Quotient Inventory Youth Version* (EQ-i:YV) yang direka bentuk oleh Bar-On dan Parker (2000). Instrumen ini mengandungi sebanyak 60 item yang digunakan untuk mengukur tahap kecerdasan emosi dan tingkah laku sosial dalam kalangan kanak-kanak dan remaja dari usia 7 tahun hingga ke 18 tahun. Instrumen ini merupakan versi bagi golongan belia atau remaja yang diadaptasi daripada instrumen asal iaitu *The Emotional Quotient Inventory* (EQ-i) daripada Bar-On. EQ-i YV mempunyai enam skala dalam aspek

kecerdasan emosi iaitu intrapersonal, interpersonal, pengurusan stres, beradaptasi, mood umum dan pengaruh positif. Namun bagi domain pengaruh positif dalam kajian ini tidak akan dikaji. Bentuk skor yang digunakan dalam EQ-i YV adalah menggunakan pemarkatan skala 4 *Likert* (1-sangat jarang saya rasakan dan 4-sering saya rasakan).

### Kebolehpercayaan Alat Kajian

Tahap kebolehpercayaan *The Emotional Quotient Inventory Youth Version* (EQ-i:YV) dalam kajian ini dinilai dengan metode ketekalan dalaman *Alpha Cronbach*. Tujuannya adalah untuk mengetahui kefahaman pelajar terhadap item-item dalam inventori ini. Bagi komponen kecerdasan emosi sosial secara keseluruhan menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.86. Manakala komponen kemahiran penyesuaian diri memperoleh 0.75 juga masih berada pada tahap sederhana tinggi. Jadual 1 melaporkan secara terperinci hasil penilaian kebolehpercayaan alat kajian yang digunakan.

Jadual 1

*Kebolehpercayaan The Emotional Quotient Inventory Youth Version (EQ-i:YV)*

Komponen Kemahiran	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Pekali Kebolehpercayaan ( $\alpha$ )
Kecerdasan Emosi Sosial	158.48	17.78	0.86
Kemahiran Adaptabiliti	26.17	4.93	0.75

### Kaedah Kajian

Sebelum memulakan kajian, surat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Dasar Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) diperolehi terlebih dahulu. Kemudian, surat kebenaran

daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) untuk menjalankan kajian di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah. Setelah itu, pengkaji membuat surat permohonan berserta dengan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh pihak KPM dan JPNS

sebagai rujukan kepada pengetua bagi sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian.

### Analisis Data

Fokus kajian ini adalah untuk menentukan profil kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dalam menganalisa data, pengkaji menggunakan dua jenis ujian statistik iaitu ujian statistik deskriptif dan ujian statistik inferensi dengan menggunakan IBM SPSS versi 24.0.

### Dapatan Kajian

#### Skor Kecerdasan Emosi Sosial Secara Keseluruhan

Berikut merupakan nilai min dalam menentukan tahap bagi skor keseluruhan kecerdasan emosi sosial. Terdapat tiga tahap dalam menginterpretasikan skor kecerdasan emosi sosial secara keseluruhan iaitu rendah, sederhana dan juga tinggi. Hasil daripada analisis kekerapan menunjukkan tahap kecerdasan emosi sosial secara keseluruhan pelajar adalah pada tahap sederhana sehingga ke tahap terlalu tinggi. Secara puratanya pelajar dalam kajian ini berada pada tahap yang sederhana iaitu seramai 431 orang (58.6%). Hasil yang terperinci dapat dilihat dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

#### *Kecerdasan emosi sosial keseluruhan*

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Rendah	0	0
Sederhana	431	58.6
Tinggi	305	41.4

Hasil dapatan kajian berdasarkan Jadual 3 secara majoritinya adalah berada di tahap sederhana (50.7%) diikuti responden yang mempunyai tahap kemahiran penyesuaian

diri yang tinggi (48.5%) dan selebihnya adalah responden yang berada di tahap rendah (0.8%).

Jadual 3

#### *Kemahiran penyesuaian diri*

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Rendah	6	0.8
Sederhana	373	50.7
Tinggi	357	48.5

Hasil analisis Ujian-t sampel bebas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kemahiran penyesuaian diri antara lelaki dan perempuan ( $t = 1.78, k > .05$ ). Hasil

yang terperinci dapat dilihat dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4

*Perbezaan kemahiran penyesuaian diri remaja antara lelaki dan perempuan*

	N	M	SP	df	t	Sig.
Lelaki	432	2.69	.576	734	1.78	.075
Perempuan	304	2.62	.541			

$k > .05$

### Perbincangan

Kajian ini memberi tumpuan terhadap profil kecerdasan emosi sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan bandar Kota Kinabalu, Sabah. Secara khususnya kajian ini mengenal pasti profil bagi salah satu domain kecerdasan emosi sosial Bar-On dan Parker (2000), iaitu kemahiran penyesuaian diri. Selain itu kajian sampingan yang turut dikaji oleh pengkaji adalah mengenal pasti perbezaan kecerdasan emosi kemahiran penyesuaian di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Bagi tahap kecerdasan emosi sosial keseluruhan pelajar, hasil dapatan kajian menunjukkan ia berada di tahap sederhana. Hasil dapatan ini adalah sama dengan hasil dapatan kajian-kajian yang telah dilakukan khususnya di Malaysia (Abdul Malek et al., 2009; Saemah et al., 2008). Berdasarkan kajian ini juga, pengkaji berpendapat bahawa golongan pelajar ini perlu diberi bimbingan atau intervensi yang sesuai dalam meningkatkan lagi tahap kecerdasan emosi sosial mereka. Hal ini kerana, dengan tahap kecerdasan emosi sosial yang sederhana inilah yang membuatkan pelajar masa kini masih terlibat dengan aktiviti-aktiviti negatif atau masalah sosial hasil daripada kurangnya kemahiran dalam mengenal dan mengawal emosi mereka. Buktinya, dapat dilihat melalui laporan yang dikeluarkan oleh media massa mengenai keterlibatan pelajar dengan perkara-perkara yang tidak bermoral. (Astro Awani, Oktober 28, 2014; Utusan Malaysia 14 Februari, 2015). Justeru, pihak yang terlibat seharusnya memandang serius

perkara ini dan mengambil tindakan yang sepatutnya.

Kemahiran penyesuaian juga menunjukkan majoriti pelajar berada di tahap sederhana. Menurut Saemah et al., (2008), adaptasi atau regulasi sendiri adalah merujuk kepada keupayaan individu menguruskan emosinya dalam melaksanakan kerja agar lebih mudah dan tidak mengganggu tugas tersebut. Misalnya, dapat menenangkan diri dengan cepat dan boleh menyesuaikan diri dengan mudah dalam pelbagai situasi. Sementara, Bar-On (2000) pula menjelaskan adaptasi adalah suatu kemampuan bersikap realistik, mudah beradaptasi, mudah menyelesaikan masalah yang muncul dan fleksibel. Kesemua sikap ini membantu seseorang yang mempunyai adaptasi yang baik untuk menerima sesuatu kenyataan dan menyesuaikan pemikiran mengikut keadaan yang berubah-ubah atau tidak konsisten. Menurut Bar-On (2000), individu yang mendapat skor yang rendah perlu mempertingkatkan kemahiran ini. Ellis, Tobias dan Friedlander (1999) mencadangkan strategi untuk menyelesaikan masalah agar individu mampu menyesuaikan diri adalah dengan mengikuti langkah seperti mengetahui bila munculnya masalah, sasaran untuk penyelesaian, mempunyai alternatif penyelesaian dan juga mempunyai perancangan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Terakhir, bagi hasil dapatan kajian perbezaan antara lelaki dan perempuan terhadap skor kecerdasan emosi sosial kemahiran penyesuaian menunjukkan

bahawa tidak terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan. Hal ini menunjukkan dalam kemahiran penyesuaian diri, tidak kira lelaki ataupun perempuan, kedua-duanya akan berhadapan dengan situasi perubahan yang sama, seperti fasa perubahan fizikal, persekitaran dan sebagainya. Menurut Blakemore, Burnett dan Dahl (2010), masa remaja merupakan satu fasa yang mana golongan ini menerima banyak perubahan khususnya berkaitan fisiologi yang ditandakan sebagai suatu proses kematangan (puberty). Pada masa yang sama, hubungan di antara rakan sebaya akan berubah dengan ketara dan lebih penting berbanding dengan mentaati ibu bapa (Somerville, 2013). Transisi dalam pendidikan juga akan memberikan pengaruh, dan kebiasaannya remaja perlu mengikuti setiap tuntutan dalam perubahan tersebut. Sebagai contoh pelajar tinggal di asrama, aktiviti sekolah dan sebagainya memerlukan penyesuaian dan fleksibiliti remaja berkenaan. Kegagalan remaja dalam menyesuaikan diri terhadap perubahan tersebut, secara tidak langsung akan menyebabkan mereka tersisih daripada sosial, keciciran sekolah ataupun gangguan psikologi. Oleh yang demikian, menjadi suatu yang penting kepada remaja untuk memiliki kemahiran fleksibiliti dan penyesuaian diri yang tinggi (Crone & Dahl, 2012).

### **Kesimpulan**

Secara umumnya, kajian ini mendapati bahawa tahap kecerdasan emosi sosial secara keseluruhan serta kemahiran penyesuaian dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah berada di tahap sederhana. Namun begitu, pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung seperti golongan pendidik, ibu bapa dan ramai lagi perlu memandang serius perkara ini dan melakukan sesuatu untuk meningkat lagi

tahap kecerdasan emosi sosial pelajar. Hal ini kerana ia bukan sahaja memberi kesan terhadap perkembangan pelajar itu sendiri, bahkan juga dapat membendung masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja pada masa kini. Pembuatan keputusan yang tepat dapat menghindarkan remaja daripada terjerumus dalam tingkah laku yang maladaptif. Pada masa yang sama, melahirkan generasi muda (Generasi Z) yang bijak pandai, mampu mengenal dan mengawal emosi dengan baik sekali gus menggarap hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis.

### **Penghargaan**

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas tajaan bagi geran FRG0433, kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) kerana telah meluluskan permohonan untuk menjalankan kajian serta sekolah-sekolah dan seterusnya kepada pelajar yang terlibat dalam kajian ini.

### **Rujukan**

- Abdul Malek Rahman, Sidek Noah, Abdul Malek Karim, Wan Marzuki, Nabilah, Zulkifli, Joharry, Lihanna, Syed Mohamed Shafeq, Jamaludin, Sapon, Mohd Yusop, Mohd Taib, Munirah, Norlena, Ruhaibah, & Tajularipin. (2009). Kecerdasan emosi dalam kalangan remaja Malaysia. *Jurnal Bitara*, 2: 1-13.
- Astro Awani. (2014, Oktober 28). *Belasah junior: Lapan pelajar MRSM Balik Pulau ditahan*. Astro awani, 28 Oktober, di laman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/belasah-junior-lapan-pelajar-mrsm-balik-pulau-ditahan-47117>



- Astro Awani. (2015, April 20). *Pelajar dakwa dibelasah senior sekolah agama di Pendang*. Astro Awani, 20 April, di laman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-dakwa-dibelasah-senior-sekolah-agama-di-pendang-58219>
- Azizi Yahaya & Yusof Boon. (2005). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar. *Seminar Antarabangsa CESA Universiti Kebangsaan Malaysia*. (Unpublished).
- Bar-On, R. (1997). *The Emotional Quotient Inventory (EQ-I): Technical Manual*. Toronto, ON: Multi-Health Systems. Di laman sesawang: [https://hpsys.com/PDFs/EQ-i\\_Info\\_Page.pdf](https://hpsys.com/PDFs/EQ-i_Info_Page.pdf)
- Bar-On, R. (2000). *Emotional and Social Intelligence. Insight from the emotional quotient inventory (EQ-I)*. In Bar-On, R., Parker, J. D. (Eds.), *The Handbook of Emotional Intelligence*. San Francisco, CA: Jossey-Bass, p. 363-388.
- Bar-On, R., & Parker J. D. (2000). *The Bar-On Emotional Quotient Inventory: Youth version (EQ-i:YV) technical manual*. Toronto, ON: Multi-Health Systems.
- Blakemore, S. J., Burnett, S., Dahl, R. E., (2010). The role of puberty in the developing adolescent brain. *Hum. Brain Mapp.* 31, 926-933. <http://dx.doi.org/10.1002/hbm.21052>
- Cherniss, C., & Adler, M. (2000). *Promoting emotional intelligence in organizations*. Alexandria, VA: American Society for Training and Development (ASTD).
- Crone, E. A., & Dahl, R. E. (2012). Understanding adolescence as a period of social-affective engagement and goal flexibility. *Nature Reviews Neuroscience*, 13(9), 636.
- Domitrovich, C. E., Cortes, R. C., & Greenberg, M. T. (2007). Improving young children's social and emotional competence: a randomized trial of the preschool "PATHS" Curriculum. *The Journal of Primary Prevention*, 28(2).
- Entezar, K. R., Nooraini Othman, Azlina Mohd Kosnin, Ghanbaripanah, A. (2013). The influence of emotional intelligence on mental health among Iranian mothers of mild intellectually disabled children. *International Journal of Fundamental Psychology & Social Sciences*, 3(2), 12-15.
- Ellis, M. J., Tobias, S. E., & Friedlander, B. S. (1999). *Emotional intelligent parenting*. New York: Harmony Books.
- Erasmus, C. P. (2007). *The role of emotional intelligence in the adaptation of adolescent boys in private school*. Doctoral Dissertation. University of South Africa, Pretoria.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam.
- Greenberg, L. (2008). Emotion and cognition in psychotherapy: The transforming power of effect. *Journal of Canadian Psychology*, 49(1), 49-59.
- Hamidah Sulaiman. (2013). *Hubungan antara kecerdasan emosi dengan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja sekolah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Portal Rasmi Kementerian Pelajaran* di laman sesawang: <http://www.moe.gov.my> diakses pada 2 Mac 2016.
- Muhafandi Muhamad. (2015). *Kerana sidai tuala, pelajar tingkatan 4 maut dibelasah rakan asrama*. Astro Awani,

- 12 Mei, di laman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerana-sidai-tuala-pelajar-tingkatan-4-maut-dibelasah-rakan-asrama-59789> diakses pada 23 April 2015.
- Liau, A. K., Liau, A. W., Teoh, G. B., & Liau, M. T. (2003). The Case for Emotional Literacy: the influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education, 32*(1), 51-66.
- Chong, A. M., Lee, P. G., Roslan, S., & Baba, M. (2015). Emotional intelligence and at-risk students. *Sage Open, 5*(1), 2158244014564768. doi: 10.1177/2158244014564768
- Homauni Masoumeh, Mariani Mansor, Siti Nor Yaacob, Mansor Abu Talib., & Sara, G. (2014). Emotional intelligence and aggression among adolescents in Tehran, Iran. *Life Science Journal, 11*(5): 506-511.
- Mayer, J. D. (2001). Emotional intelligence and giftedness. *Roepers Review, 23*(3): 131-137.
- Noriah Mohd. Ishak, Siti Rahaya Ariffin, Zuria Mahmud, Saemah Rahman, & Manisan Mohd. Ali. (2001). *Performance and emotional intelligence: A correlational study among Malaysia adolescence*. Proceeding for International Learning Conference 2001, Spastses, Greece.
- Nelis, D., Quoidbach, J., Mikolajczak, M., & Hansenne, M. (2009). Increasing emotional intelligence: (How) it is possible? *Personality & Individual Difference, 47*: 36-41.
- Opat Rattanachot. (2014). *Pelajar lelaki dakwa cedera angkara buli*. Utusan Online, 30 Oktober, dalam laman sesawang: <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pelajar-lelaki-dakwa-cedera-angkara-buli-1.18507> diakses pada 23 April 2015.
- Parker, J. D., Taylor, R. N., Eastabrook, J. M., Schell, S. L., & Wood, L. M. (2008). Problem gambling in adolescence: Relationships with internet misuse, gaming abuse and emotional intelligence. *Personality & Individual Differences, 45*(2), 174-180.
- Ruiz-Aranda, D., Sactillo, R., Salquero, J. M., Cabello, R., Fernandez-Berrocal, P., & Balluerka, N. (2012). Sort and midterm effects of emotional intelligence training on adolescent mental health. *Journal of Adolescent Health, 51*, 462-467.
- Saadi, Z. E., Honarmand, M. M., Najarian, B., Ahadi, H., & Askari, P. (2012). Evaluation of the effect of emotional intelligence training on reducing aggression in second year high school female students. *Journal of American Science, 8*, 209-212.
- Saemah Rahman, Noriah Mohd. Ishak, Zuria Mahmud & Ruslin Amir. (2008). Indeks dan profil kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah. *Jurnal Teknologi, 48*, 187-202.
- Salovey, P., & Mayer, J. D. (1990). Emotional intelligence. *Journal of Imagination, Cognition and Personality, 9*, 185-211.
- Somerville, L. H. (2013). The teenage brain: Sensitivity to social evaluation. *Current directions in psychological science, 22*(2), 121-127.
- Somerville, L.H., Hare, T., Casey, B.J., (2011). Frontostriatal maturation predicts cognitive control failure to appetitive cues in adolescents. *Journal of Cognition and Neuroscience, 23*, 2123-2134.
- Trinidad, D. R., & Johnson, C. A. (2002). The Association between emotional intelligence and early adolescent

tobacco and alcohol use. *Personality & Individual Differences*, 32(1), 95-105.

Utusan Malaysia. (2015,14 Februari).

*Pelajar perempuan dakwa dibuli.*

Utusan Online, di laman sesawang:

[http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pelajar-perempuan-dakwa-dibuli-](http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pelajar-perempuan-dakwa-dibuli-1.59323)

[1.59323](http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pelajar-perempuan-dakwa-dibuli-1.59323) diakses pada 23 April 2015.

Weisinger, H. (1998). *Emotional intelligence*

*at work*. San Francisco, CA: Jossey-

Bass.